



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA PEMAHAMAN GURU DENGAN SIKAP MURID DI SK SUNGAI HAJI DORANI, SABAK BERNAM: SATU KAJIAN KES

NORLIZA@NORIZA BINTI AHBAR@AKHBAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara pemahaman guru terhadap program Super VAKS dengan sikap murid. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan bertujuan melibatkan 32 orang guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Haji Dorani bagi daerah Sabak Bernam. Pendekatan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan digunakan bagi kajian ini. Instrumen soal selidik yang mengandungi item demografi, kefahaman guru dan sikap murid digunakan. Dalam kajian ini data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang menjelaskan tahap kefahaman guru dan korelasi Pearson untuk menentukan hubungan di antara pemboleh ubah. Hasil kajian mendapati purata min bagi kefahaman guru berada pada tahap tinggi dan ini menunjukkan bahawa majoriti guru faham tentang pelaksanaan program Super VAKS. Hubungan antara pemahaman guru terhadap program Super VAKS dengan sikap murid didapati berada pada tahap lemah dan negatif tetapi signifikan. Kesimpulannya, program Super VAKS boleh dijadikan amalan terbaik sekolah biarpun lokasi sekolah terletak di luar bandar kerana murid-murid menunjukkan perubahan sikap yang positif selepas program dilaksanakan. Kajian ini mencadangkan Program Super VAKS boleh diperluaskan ke sekolah-sekolah lain di Malaysia.





RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' UNDERSTANDING OF SUPER VAKS PROGRAMME AND STUDENT'S ATTITUDE IN SK SUNGAI HAJI DORANI, SELANGOR: A CASE STUDY

ABSTRACT

This study aimed to examine the relationship between teachers' understanding of Super VAKS Programme and student's attitude. Purposive sampling technique was used in selecting 32 teachers at Sekolah Kebangsaan Sungai Haji Dorani in the district of Sabak Bernam. Survey was used to collect data for this study. The questionnaire consisted of demographic items, teachers' understanding and students' attitude. The data was then analyzed using descriptive statistics to explain the level of teachers' understanding and Pearson correlation to determine the relationship between variables. The study found that teacher's understanding of the Super VAKS was a high level. This showed that the majority of teachers understood about the programme. The relationship between teachers' understanding of Super VAKS Programme and the attitude of the students was found to be at a low, negative but significant level. In conclusion, Super VAKS Programme can be adopted as best practice even in rural schools because pupils showed a positive change in attitudes after attending the programme. This study suggests that Super VAKS Programme can be implemented widely in other schools in Malaysia.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii



SENARAI LAMPIRAN

BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	9
1.3	Pernyataan Masalah	15
1.4	Tujuan Kajian	21
1.5	Objektif Kajian	21
1.6	Persoalan Kajian	22
1.7	Hipotesis Kajian	22
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.8.1	Penambahbaikan Model Penilaian Kirkpatrick	24
1.9	Model Sikap	27





1.9.1	Model Tindakan Bertujuan	27
1.9.2	Model Tingkah Laku Terancang	28
1.10	Kepentingan Kajian	29
1.11	Batasan Kajian	31
1.12	Definisi Operasi	32
1.12.1	Program Super VAKS	32
1.12.2	Sikap	35
1.12.3	Penilaian Guru	36
1.12.4	Kefahaman Guru	37
1.13	Rumusan	37
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	39
2.1	Pengenalan	39
2.2	Definisi Konsep	40
2.2.1	Kajian Sikap	40
2.2.2	Kajian Sikap Dari Aspek Emosi	43
2.2.3	Kajian Sikap Dari Aspek Berwawasan	43
2.2.4	Kajian Hubungan Sikap Dengan Pencapaian Akademik	45
2.3	Teori Tingkah Laku/Sikap	46
2.4	Pencapaian Akademik	50
2.5	Kepentingan Motivasi	53
2.5.1	Teori Motivasi	57
2.5.1.1	Teori Motivasi Abraham Maslow	60
2.5.1.2	Kritikan Terhadap Teori Keperluan Manusia Maslow	63



2.5.1.3	Teori Motivasi Intrinsik	63
2.5.1.4	Teori Motivasi Ekstrinsik	64
2.6	Idea Super VAKS	65
2.6.1	Teori-Teori VAKS	66
2.7	Rumusan	68
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	70
3.1	Pengenalan	70
3.2	Reka Bentuk Kajian	71
3.3	Populasi Kajian	72
3.4	Persampelan Kajian	73
3.5	Instrumen Kajian	75
3.6	Kajian Rintis	77
3.7	Kesahan Instrumen	79
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	79
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.10	Prosedur Penganalisaan Data	83
3.10.1	Analisis Statistik Deskriptif	83
3.10.2	Analisis Statistik Inferensi	87
3.11	Rumusan	90
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	92
4.1	Pengenalan	92
4.2	Profil Responden Kajian	93
4.3	Soalan Kajian 1: Tahap Kefahaman Guru Terhadap Program Super VAKS	96



4.4	Soalan Kajian 2: Tahap Kefahaman Guru Terhadap Objektif Program Super VAKS	98
4.5	Soalan Kajian 3: Tahap Kefahaman Guru Terhadap Pelaksanaan Program Super VAKS	99
4.6	Soalan Kajian 4: Perubahan Sikap Murid	100
4.7	Skor Min Keseluruhan	102
4.8	Pengujian Hipotesis	103
4.8.1	Analisis Korelasi Pearson	103
4.8.2	Koefisien Korelasi	104
4.9	Soalan Kajian: Ujian Hipotesis Nol	105
4.10	Rumusan	106
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	107
5.1	Pengenalan	107
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	108
5.3	Perbincangan	109
5.3.1	Tahap Setiap Angkubah	109
5.4	Implikasi Dan Cadangan Kajian	118
5.4.1	Implikasi Ke Atas Teori	118
5.4.2	Implikasi Terhadap Bidang Pendidikan	120
5.4.3	Implikasi Ke Atas Guru	121
5.4.4	Implikasi Ke Atas Agensi	122
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	123
5.6	Kesimpulan	124
RUJUKAN		126





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Maksud Singkatan 5S	7
1.2 Data Salah Laku Pelajar Di Malaysia 2009-2013	18
2.1 Hasil Kajian Pengkaji Terhadap Gaya Pembelajaran Visual, Audio dan Kinestetik	67
3.1 Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	74
3.2 Jumlah Populasi dan Sampel Responden SK. Sungai Haji Dorani	75
3.3 Item-Item Soal Selidik Bahagian B	77
3.4 Hasil Ujian Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	81
3.5 Skor Bagi Skala Likert Mengikut Masa	84
3.6 Min Skala Lima Likert Mengikut Tiga Tahap	86
3.7 Nilai Pekali Korelasi dan Tafsirannya	89
3.8 Skala Tahap Kekuatan Korelasi Antara Pemboleh Ubah Kajian	89
3.9 Kaedah Analisis Yang Digunakan Bagi Mendapatkan Data Kajian	90
4.1 Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina, Kelayakan Akademik dan Jumlah Tahun Perkhidmatan	94
4.2 Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kefahaman Guru Terhadap Program Super VAKS	97





4.3	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kefahaman Guru Terhadap Objektif Program Super VAKS	98
4.4	Skor Min Dan Sisihan Piawai Tahap Kefahaman Guru Terhadap Pelaksanaan Program Super VAKS	99
4.5	Skor Min Dan Sisihan Piawai Perubahan Sikap Murid	101
4.6	Skor Min Keseluruhan	102
4.7	Korelasi Pearson Hubungan Kefahaman Guru Dengan Perubahan Sikap Murid	105





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Keberhasilan Utama dan Pencapaian Gelombang	2
1.2	Trend Jurang Pencapaian UPSR Antara Sekolah Luar Bandar Dan Bandar 2012-2015	17
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.4	Model Tindakan Bertujuan	27
1.5	Model Tingkah Laku Terancang	28
2.1	Kenapa Manusia Bermasalah	58
2.2	Piramid 5 Teori Keperluan Manusia	60





SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH

5S Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal

DEB Dasar Ekonomi Baru

EFL *English As A Foreign Language*

ESL *English As A Second Language*

ICT *Information and Communication Technology*

IKM Institut Kemahiran Mara

JERI Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek

KBAT Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

KIA2M Kelas Intervensi Asas Membaca dan Menulis



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

KWAPM Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin

LINUS Literasi, Numerasi dan Saringan

MOU *Memorandum Of Understanding*

NLP *Neuro Linguistic Programming*

PBIS *Positive Behaviour Interventions Support*

PIBG Persatuan Ibu Bapa Dan Guru

PIPP Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

PPD Pejabat Pendidikan Daerah

PPPM Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

SK Sekolah Kebangsaan

SPSS *Statistic Package for Social Science*



STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
VAKS	Visual, Audio, Kinestetik dan Spiritual
VAKT	<i>Visual, Audio, Kinesthetic and Touch</i>



SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

A1	Borang Soal Selidik Bahagian A	136
A2	Borang Soal Selidik Bahagian B	137
A3	Borang Soal Selidik Perubahan Sikap Murid	140
A4	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	141
A5	Ujian Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	142
A6	Item Demografi	143
A7	Skor Min Dan Sisihan Piawai	144
A8	Konstruk Perubahan Sikap Murid	146
A9	Korelasi Pearson Kefahaman Guru Dengan Perubahan Sikap Murid	147
A10	Cara-Cara Melaksanakan Program Super VAKS	148





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Sistem Pendidikan di Malaysia sentiasa mengalami arus perubahan mengikut momentum dan keadaan semasa. Jika pada era 1800 hingga 1956 sistem pendidikan lebih bercorak kepada pemerintahan Inggeris yang mengambil kira aspek ekonomi, politik, dan sosio budaya. Semasa senario kemerdekaan pula, Penyata Razak 1956 digubal dengan lebih menumpukan kepada perpaduan kaum, ekonomi dan merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar manakala Penyata Rahman Talib 1961 bermatlamat untuk melahirkan rakyat yang mempunyai tenaga mahir dalam bidang teknikal dan kemahiran seterusnya dasar-dasar pendidikan digubal lebih menumpukan pada pembangunan profesionalisme guru dan membasmi fenomena buta huruf di kalangan pelajar (Zainuddin, Mohd Zaki & Nur Azza, 2015).



KEBERHASILAN UTAMA

PENCAPAIAN GELOMBANG 1

100% orang murid celik Bahasa Malaysia dan menguasai kemahiran numerasi selepas 3 tahun persekolahan; sasaran untuk celik Bahasa Inggeris akan ditentukan selepas garis asas diperoleh.	99% orang murid menguasai literasi Bahasa Malaysia dan numerasi selepas tiga tahun persekolahan. Garis asas untuk literasi Bahasa Inggeris iaitu 63.3% pada tahun 2013, meningkat kepada 94%.
Enrolmen untuk prasekolah pada 92%, Rendah pada 98% dan menengah pada 95%.	Enrolmen prasekolah ialah 84.5%, peningkatan daripada 81.7% pada tahun 2013. Enrolmen sekolah rendah ialah 98%, mengatasi kadar sejagat iaitu 91%, meningkat kepada 94.4% dari tahun 2013.
Pengurangan 25% jurang antara bandar dan luar bandar	Pengurangan jurang antara Bandar dan luar bandar sebanyak 31.6 % berdasarkan pencapaian UPSR.

Rajah 1.1. Keberhasilan Utama dan Pencapaian Gelombang 1. Sumber dari Laporan Tahunan PPPM 2013-2025 (2015)

Setelah beberapa dekad, masalah-masalah seperti perpaduan, budaya, ekonomi, dan sebagainya telah mula dapat diatasi malah isu keciciran dalam pembelajaran, peluang persekolahan dan jurang pendidikan yang memberangsangkan seperti mana yang ditunjukkan pada rajah 1.1. Menurut Sugai dan Robert Horner (2008), persekitaran pengajaran pembelajaran perlu diwujudkan dengan mencipta satu model pengajaran, proses mengajar dan sokongan kepada tingkah laku yang positif bagi mencegah wujudnya tingkah laku atau sikap yang negatif. Menurut teori ini pihak sekolah hendaklah menentukan program-program atau strategi-strategi yang boleh dilaksanakan bagi memberi intervensi mengurangkan masalah tingkahlaku atau sikap seterusnya dapat membina sikap yang baru. Melalui strategi-strategi tersebut sistem pengumpulan data dan membuat analisis hendaklah dibuat bagi menilai keberkesanan seterusnya membuat penambahbaikan.



Kriteria pemilihan pentadbir sekolah pada era ini turut mengalami fenomena perubahan bagi memenuhi kriteria sekolah abad 21. Tujuan perubahan ini bagi memastikan pemimpin sekolah yang dilantik terdiri dari kalangan mereka yang lebih bertanggungjawab dalam memacu sekolah serta membentuk persekitaran yang menjurus kepada iklim pembelajaran yang cemerlang berlandaskan aspirasi murid. (Laporan Tahunan PPPM, 2015). Senario pendidikan masa kini semakin rencam ditambah dengan kepesatan pembangunan teknologi maklumat, menuntut kematangan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menggubal dan melaksanakan dasar serta program-program pendidikan yang akan dilaksanakan sesuai dan seiring dengan lanskap pendidikan bertaraf global untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan Pendidikan Abad ke 21.



Menurut Khair (2016), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 merupakan salah satu dasar KPM dalam menerajui perubahan ke arah kemenjadian murid yang mempunyai sifat jati diri dan mampu menghadapi cabaran global bersama Enam Aspirasi dan kurikulum yang dibina seiring dengan standard antarabangsa, akses kepada pelbagai saluran pendidikan abad ke 21, pentaksiran holistik, guru dan pentadbir yang berkualiti, jalinan kerjasama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta. Seiring dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam skop membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia (2011-2015) untuk membangunkan sesebuah negara, modal insan menjadi sumber pelaburan yang terpenting malah menjadi teras terhadap produktiviti ekonomi berpendapatan tinggi dan inovasi. Modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, cekap dan pantas bertindak balas dengan perubahan ekonomi amat diperlukan demi menjamin kemajuan negara (Shahril Marzuki, Hamidah Yusof, Jamal Nordin, Khalip Musa, 2014).





Keberhasilan modal insan menjadi cabaran guru abad ke-21 memandangkan mereka merupakan faktor yang dijadikan sandaran ke arah pembentukan negara maju. Pendidik yang berkualiti dan siap siaga dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam memikul amanah yang dipertanggungjawabkan diperlukan dalam transformasi pendidikan negara sebagaimana hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Ciri-ciri pendidikan masa lalu sangat jauh berbeza dengan pengajaran dan pembelajaran Abad ke-21 kerana murid-murid yang hendak dibentuk merupakan murid-murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, berproduktif tinggi, mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bahkan cekap dalam berkomunikasi. Justeru guru-guru harus melengkapi diri mereka dengan kemahiran-kemahiran tersebut terlebih dahulu bagi memastikan keberkesanan pengajaran malah perlu akur bahawa murid-murid pada masa kini juga jauh berbeza dengan murid-murid yang terdahulu (Majalah Pendidik Bil 105, 2016).



Masa kini murid-murid memperolehi maklumat dari pelbagai sumber dan dengan hanya di hujung jari berikutan daripada kepesatan teknologi. Kecenderungan untuk bertanya dan mengetahui sesuatu dengan mendalam amat sinonim dengan diri mereka. Kepakaran-kepakaran berikut perlu ada pada setiap diri guru abad ke 21 iaitu menguasai ilmu/ subjek/ isi kandungan, menguasai kemahiran mengesan perkembangan murid dan pencapaian serta memberi sokongan, kemahiran penggunaan media dan teknologi maklumat, memiliki kemahiran kaunseling, menguasai pedagogi Abad ke-21 dan menguasai kemahiran psikologi pembelajaran. (Buletin ANJAKAN, Bil 5. 2015).





Menangani ragam murid-murid yang pelbagai tidak dinafikan motivasi amat diperlukan dalam membangkitkan keyakinan diri dan naluri keseronokan belajar pada diri mereka. Salawati (1998) dalam Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu (2014) mendapati minat, sikap dan motivasi di kalangan pelajar antara punca-punca kemerosotan dan keciciran dalam mata pelajaran Matematik. Ahmad Syaifudin Ibrahim (2015) pula mendapati ramai dalam kalangan pelajar yang ponteng sekolah, mengajak rakan keluar daripada kelas pada sesi pelajaran yang tidak diminati dan menulis surat cuti sakit yang palsu disebabkan kurangnya motivasi belajar sehingga menimbulkan tidak selesa berada di sekolah.

Kenyataan tersebut bertepatan dengan dapatan oleh Thorndike (1920) dalam Colette & Sean (2015) bahawa terdapat tiga situasi dalam proses pembelajaran:



- Pembelajaran akan menghasilkan kepuasan apabila murid-murid mempunyai kesediaan untuk belajar,
- ii. Murid-murid yang tidak dapat menguasai pembelajaran walaupun telah mencuba akan berasa kecewa.
 - iii. Memaksa murid-murid untuk belajar dalam keadaan mereka tiada kesediaan untuk belajar juga akan mendatangkan perasaan kesakitan ataupun kekecewaan.

Justeru sejak dari pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 sehinggalah terbentuknya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pelbagai program membina telah dijalankan khasnya di sekolah-sekolah rendah dan menengah baik di bandar mahupun luar bandar. Matlamatnya termasuklah





mengembangkan potensi individu secara seimbang dan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) serta meningkatkan daya kreativiti, inovasi, budaya ilmu pelajar dan lain-lain lagi. Beberapa program yang telah dijalankan dan dijadikan sebagai amalan terbaik termasuklah Program KIA2M, Program Gerak Gempur, Program khusus Orang Asli dan suku minoriti manakala dalam dasar PPPM 2013-2025 antara program yang telah dijalankan termasuklah program LINUS, program transformasi daerah, program profisiensi guru Bahasa Inggeris yang mendatangkan kecemerlangan kepada sekolah.

Kementerian juga mendapati persamaan amalan yang ketara bagi sekolah yang cepat peningkatannya dengan sekolah berprestasi baik. (Ringkasan Eksekutif PPPM 2013-2015, 2012). Justeru inovasi dalam mewujudkan amalan terbaik sesebuah institusi pendidikan sentiasa dialu-alukan oleh pihak KPM sebagai contoh pelaksanaan Program Transformasi Pendidikan Johor iaitu menetapkan pencapaian visi “Johor Top 5”. Meskipun pada awalnya menerima tekanan dari pihak berkepentingan dari dalam dan luar JPN disebabkan kedudukan Johor dalam peperiksaan awam pada tangga lima terbawah sejak tahun 2005 namun dengan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap program tersebut pada tahun 2010, akhirnya kejayaan pencapaian cemerlang UPSR dapat diraih apabila berada pada tangga yang kedua selepas Wilayah Persekutuan. (Ringkasan Eksekutif PPPM 2013-2025, 2013).

Myazaitul Akma Mohammad (2010) dalam kajiannya telah mendapati amalan terbaik 5S telah memberikan impak yang positif terhadap prestasi dan produktiviti bagi staf dan kakitangan IKM Lumut memandangkan amalan ini bukan sahaja dapat menyediakan pengurusan persekitaran kerja dalam situasi yang kondusif dan selesa





malah mampu mengelakkan pembaziran dan membuahkan kejayaan yang bermakna. Kaedah 5S yang berasal dari bahasa Jepun iaitu *Seiri* untuk sisih, *Seiton* untuk susun, *Seiso* untuk sapu, *Seiketsu* untuk seragam dan *Shitsuke* untuk sentiasa amal lebih terarah kepada menjalankan aktiviti bagi penyediaan persekitaran kerja yang teratur, bersih dan kemas.

Amalan ini menyebabkan Institut Kemahiran Mara, Lumut berada di tahap yang membanggakan seperti menerima Anugerah IKM/KKTM Cemerlang, Anugerah Ketua Pengarah 2007, Anugerah IKM terbaik, Anugerah Sijil Persekitaran Berkualiti 5S malah hingga mementerai sebilangan MOU dengan beberapa pihak universiti tempatan mahupun syarikat swasta. 5S merupakan istilah asal dalam Bahasa Jepun, yang jika diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan membawa maksud seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1.1.



Jadual 1.1

Maksud Singkatan 5S. Sumber dari Buku Panduan Amalan 5S Sektor Awam, 2010

Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu	Contoh
Seiri	Sort	Sisih	Menyisih fail lama tidak aktif dengan fail baru yang masih aktif.
Seiton	Set in order	Susun	Menyusun dokumen/ bahan/ alatan pejabat supaya mudah diambil/diguna.

(Bersambung)





Jadual 1.1 (Sambungan)

Seiso	Shine	Sapu	Menyapu/membersih ruang pejabat dan ruang kerja/bilik serta peralatan kerja individu.
Seiketsu	Standaraise	Seragam	Menyeragamkan susunan fail/meja kerja/bilik mesyuarat/peralatan pejabat.
Shitsuke	Sustain	Sentiasa Amal	Mengamalkan selalu aktiviti sisih, susun, sapu dan seragam.

Rosnah Ishak dan Muhammad Faizal A. Ghani (2012) dalam kajian mereka mendapati seramai 15 orang pakar bersetuju bahawa amalan terbaik kepimpinan bagi organisasi pembelajaran berdasarkan elemen-elemen seperti pemimpin menyediakan ruang dan peluang pembelajaran untuk guru, menjadi model pembelajaran di sekolah, menggalakkan inovasi, memberikan penghargaan dan pengiktirafan dan membangunkan potensi warga sekolah mampu melonjakkan kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan.

Berdasarkan dari kepercayaan bahawa amalan terbaik mampu melonjakkan kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan, maka Pihak Pelajaran Pendidikan Daerah Sabak Bernam telah menganjurkan satu taklimat kepada guru-guru bimbingan sekolah rendah dan menengah di bawah jajahannya perihal Program VAKS yang menekankan elemen-elemen seperti Visual, Audio, Kinestetik, dan Spiritual. Program ini dikatakan mampu membangkitkan motivasi murid ke arah kesediaan menghadapi pengajaran dan pembelajaran serta menyuburkan sahsiah murid.





Sekolah Kebangsaan Sungai Haji Dorani menjalankan kajian sejauh mana keberkesanan Program VAKS ini di sekolah rendah luar Bandar memandangkan sekolah-sekolah yang menjayakannya merupakan sekolah yang berlokasi di bandar seperti Sekolah Kebangsaan Seksyen 1, Bandar Kinrara dan SMK Bukit Kuda (P), Klang yang tentunya mempunyai gaya hidup yang berbeza dari murid-murid di luar bandar. Seterusnya pihak pentadbir boleh memutuskan sama ada Program VAKS ini sesuai dijadikan amalan terbaik bagi sekolah ini seterusnya menjadi contoh kepada sekolah-sekolah rendah yang lain.

1.2 Latar Belakang Kajian

Teras pertama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 adalah bagi membina negara bangsa. Melalui Pendidikan, matlamatnya adalah untuk melahirkan pelajar yang memiliki semangat patriotik, mempunyai pegangan agama dan nilai moral, jati diri yang kukuh, bertolak ansur, bersatu padu, menjalani kehidupan sebagai masyarakat penyayang, berfikiran dan berbudaya saintifik, , bersatu padu dan demokratik. Jika diimbis seluruh matlamat tersebut adalah merangkumi pembentukan peribadi seseorang pelajar (Shahril, Norhafizah, Muhammad Faizal, 2012).

Mengikut PPPM 2013-2025, guru abad ke-21 diberi tanggungjawab untuk memastikan enam aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran dwi bahasa, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian dapat dikuasai oleh anak-anak didik mereka. Peranan guru juga semakin penting apabila KPM telah membuat pelbagai inisiatif seperti memantapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), memperkukuh dasar bahasa dengan memberi perhatian terhadap dua bahasa utama iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, memantapkan elemen etika dan kerohanian,





mengukuhkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan memperkukuh identiti nasional. Guru-guru perlu membuat anjakan paradigma sama ada di dalam mahupun di luar bilik darjah memandangkan di tangan merekalah akan terlahir bakal-bakal pemimpin yang akan meneraju negara serta mengambil alih sistem pentadbiran pada masa depan.

Nasib negara dipertaruhkan di tangan mereka justeru guru merupakan nadi transformasi. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan teks ucapan berikut, “*Kepada guru-guru yang sangat saya kasihi, saya tidak mahu guru-guru hilang fokus dalam mendidik anak bangsa kita. Ingatlah bahawa kita tidak lagi menyediakan murid kita untuk lulus dalam peperiksaan semata-mata tetapi kita perlu melihat lebih jauh 10 tahun lagi nanti apakah yang akan terjadi pada anak murid kita? Apakah kemahiran yang perlu ada pada mereka? Apakah cukup ilmu dan akhlak yang kita terapkan?*”



Ybhg. Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

(Majalah Pendidik Bil 103, 2016, p. 9).

Menurut Aminudin Mansor (2016), guru yang berilmu dan berkepakaran tinggi dapat membangkitkan motivasi murid melalui cara penyampaian mereka. Sebagai contoh dengan berpengetahuan tinggi dalam sejarah negara guru dapat menyalurkan rasa bangga murid-murid menjadi rakyat Malaysia tanpa mengira ras, etnik, status ekonomi dan agama malahan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengharumkan nama negara di persada globalisasi. Beliau juga turut menyatakan bahawa guru turut memainkan peranan dalam penerapan nilai kasih sayang dan ihsan melalui nasihat dan kata-kata dorongan yang lemah lembut dan ber hikmah bagi memotivasikan mereka untuk menjaga sahsiah dan akhlak mereka. Pendidikan kasih



kematangan seterusnya menuju kejayaan hidup. Momentum seseorang guru adalah berdasarkan pendidikan yang berkesan dan berterusan dalam melahirkan dan mendidik insan yang penyayang.

Menurut Nasaruddin Rahmat (2016), sumber dari Menteri Kesihatan iaitu Datuk Seri Dr. S. Subramaniam pada 28 September 2016 yang lalu, seramai 4.2 juta atau 29.2 peratus rakyat Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah berkaitan mental. Walaupun pada tahun 2015 berlaku penurunan kes jenayah membabitkan murid sebanyak 10.7 peratus iaitu 1 851 kes berbanding 2 073 kes pada tahun 2014 namun perhatian yang serius perlu diambil. Selain guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa juga haruslah menggembelng tenaga dengan melibatkan diri terhadap sebarang aktiviti mahupun program yang dijalankan bagi mengenalpasti

Aspek pendidikan juga dilihat dapat membantu dalam usaha mencegah permasalahan salah laku ini di mana pengetahuan agama dan moral yang kukuh menjadi elemen yang penting dalam membina kecerdasan emosi. Justeru dalam Falsafah Pendidikan Negara, emosi menjadi salah satu elemen yang menjadi tunjang utama dalam pembentukan sahsiah murid selain daripada jasmani, rohani, intelektual dan sosial. Kesimpulannya ada asas logik mengapa kecerdasan emosi merupakan salah satu tuntutan yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara (Noriati, Lee Keo, Zulkufli dan Zakiah, 2014). Pada sudut pandangan agama pula kecerdasan emosi mempunyai perkaitan dengan pembinaan hati dan akhlak yang terpuji sepertimana yang